



PEPERIKSAAN SPM 2024

Tingkatan 5
Bahasa Melayu
Kertas 1
2 jam

1103/1

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
 2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
 3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
 4. *Buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
 5. *Calon yang didapati meniru boleh dikenakan tindakan tatatertib.*
-

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Bahagian A
[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Maklumat di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan e-panggilan.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraiakan pendapat anda tentang e-panggilan yang semakin mendapat sambutan masyarakat.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan

Saya dapat menempah kenderaan e-panggilan dari mana-mana lokasi. Dahulu saya perlu memandu kenderaan sendiri ke pejabat tetapi sekarang saya hanya perlu duduk bersandar di kerusi belakang kenderaan dengan selesanya walaupun perjalanan dari rumah saya ke pejabat agak jauh. Perkhidmatan e-panggilan benar-benar menjimatkan masa dan memudahkan tugasan rasmi saya.



Lebih 700,000 orang rakyat Malaysia telah mendaftar sebagai pekerja e-panggilan



Bahagian B
[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1. Kenaikan harga barang yang melanda negara membimbangkan banyak pihak terutamanya golongan marhaen. Kenaikan ini menyebabkan perbelanjaan rakyat Malaysia semakin bertambah. Justeru, antara langkah yang perlu diambil untuk menangani kenaikan harga barang ialah masyarakat mengamalkan sikap berjimat-cermat, kerajaan membuat pemantauan berterusan di samping tindakan memboikot barang di pasaran yang harganya naik mendadak.

Sumber: Diubah suai daripada bahan
dalam Internet

Berdasarkan petikan di atas, huraikan prakarsa-prakarsa yang perlu dilakukan untuk menangani kenaikan harga barang.

2. Selepas berjaya meraih tiga anugerah iaitu Anugerah Pelajar Terbaik SPM, Anugerah Pelajar mendapat semua A SPM dan Anugerah Tokoh Pelajar SPM 2023 sempena Majlis Anugerah Pelajar SEMEKONG (MAPS) SPM 2023, nama Enzo Engelo Loson menjadi buah mulut dalam kalangan guru dan pelajar. Ketika ditanya rahsia kejayaannya, Enzo menyatakan bahawa tidak ada teknik luar biasa yang dilakukannya melainkan belajar secara bijak dengan menyusun jadual waktu belajar. Enzo juga sentiasa memanfaatkan masa terluang dengan mengulang kaji pelajaran. Bukan itu sahaja, Enzo turut memanfaatkan masa terluang dengan membaca kerana baginya, membaca jambatan ilmu. Kejayaan Enzo Engelo Loson memberikan inspirasi kepada calon-calon SPM 2024.

Sumber: MAPS SMK Matunggong 2023.

Berdasarkan petikan di atas, kecemerlangan dalam akademik pasti memerlukan banyak usaha yang bersungguh-sungguh. Huraikan usaha-usaha tersebut.

3. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan seseorang calon gagal semasa temu duga. Kegagalan tersebut disebabkan calon tidak mempunyai pengetahuan berkaitan jawatan yang dimohon. Akibatnya, kerjaya yang diimpikan tidak tercapai.

Sumber: Internet

Selain tidak mempunyai pengetahuan berkaitan jawatan yang dimohon, kemukakan faktor lain yang menyebabkan calon gagal semasa temu duga.

4. Pembelajaran berkesan berlaku apabila murid berasa seronok ketika belajar. Pembelajaran berkesan merangkumi guru yang mempunyai ilmu pengetahuan, murid yang berdisiplin dan bahan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang menarik dan berkesan. Apabila ketiga-tiga aspek saing melengkapi, pembelajaran berkesan akan dapat diwujudkan.

Sumber: Internet

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraiakan ciri-ciri pembelajaran berkesan.

SOALAN TAMAT